

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
(POKOK SENA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.05.2015

Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kejatuhan nilai ringgit telah menyebabkan banyak barang keperluan import meningkat dengan mendadak. Kejatuhan ini di kala rakyat semakin dibebankan dengan kesan pelaksanaan GST telah menambah beban kewangan rakyat. Apakah langkah yang telah dilaksanakan oleh Bank Negara dan Kementerian Kewangan untuk mengatasi hal ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit sejak September 2014 bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luaran. Mata wang serantau yang lain, termasuk ringgit turut mengalami penyusutan nilai berikutan pengukuhan dolar AS yang disebabkan oleh prospek ekonomi AS yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai dolar AS. Selain itu, negara-negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut mengalami kesan ekoran kejatuhan harga minyak mentah dunia.

Berdasarkan perkembangan terkini, prestasi mata wang ringgit telah semakin pulih dan lebih stabil. Malahan, ringgit merupakan antara mata wang yang telah mencatatkan prestasi terbaik berbanding mata wang serantau sejak April 2015. Penambahan nilai ringgit adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga minyak mentah global. Nilai ringgit juga turut meningkat disebabkan oleh penyusutan nilai dolar AS berikutan jangkaan pasaran terhadap penangguhan Rizab Persekutuan, dengan izin US Federal Reserve (Fed) untuk mengembalikan kadar faedah ke paras yang lebih wajar.

Tuan Yang di-Pertua,

Lazimnya, penyusutan nilai ringgit akan menyebabkan kenaikan kos import. Peningkatan ini akan menyebabkan kesan langsung terhadap Indeks Harga Pengguna (IHP) yang mengukur inflasi kerana harga barangan yang diimport secara terus dari luar negara akan menjadi lebih mahal. Walau bagaimanapun, dalam persekitaran harga minyak mentah global dan harga makanan dunia yang rendah sejak September 2014, kesan terhadap kadar inflasi adalah kecil, antaranya disebabkan oleh jumlah barangan import tidak termasuk petrol dan diesel mencakupi hanya 7.2% daripada bakul IHP. Oleh yang demikian, kesan terhadap kos bagi pengeluar masih lagi terkawal. Ini ditunjukkan oleh Indeks Harga Pengeluar, dengan izin Producer Price Index, telah menurun sebanyak 3.6% antara September 2014 dan Mac 2015. Manakala dalam tempoh suku pertama 2015, harga import pada peringkat pengeluar telah mencatatkan penurunan sebanyak 0.3%.

Kerajaan juga amat prihatin dalam membantu meringankan beban rakyat, khususnya golongan yang berpendapatan rendah dan kumpulan yang mudah terjejas berikutan kenaikan kos sara hidup. Kerajaan akan sentiasa memantau perkembangan harga barang dari semasa ke semasa demi kesejahteraan rakyat dan mengambil pelbagai langkah bagi demi

kepentingan rakyat. Antara langkah yang telah dilaksanakan adalah:

Langkah pengecualian GST barangan dan perkhidmatan

- i. Beberapa barang makanan dan perkhidmatan asas dikecualikan daripada GST, sebagai contoh, semua jenis buah-buahan tempatan dan diimport; roti putih dan roti wholemeal; serbuk kopi, teh dan koko; mi kuning, kuehtiau, laksa dan bihun; 2900 jernama ubat-ubatan; bahan bacaan seperti buku rujukan, buku teks, kamus dan kitab agama; serta surat khabar;
- ii. Kadar penggunaan elektrik yang dikecualikan daripada GST dinaikkan daripada 200 unit pertama kepada 300 unit pertama;
- iii. Penjualan runcit minyak petrol RON95, diesel dan LPG dikecualikan daripada GST;

Cukai Pendapatan dan BR1M

1. Kadar cukai pendapatan individu akan dikurangkan satu hingga tiga mata peratusan. Manakala, golongan berkeluarga yang berpendapatan empat ribu ringgit sebulan tidak lagi mempunyai tanggungan cukai;
2. Bantuan BR1M dinaikkan daripada RM650 kepada RM950 untuk isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 ke bawah. Manakala, isi rumah

berpendapatan bulanan RM3,001 hingga RM4,000 akan mendapat bantuan sebanyak RM750 berbanding RM450 sebelumnya. Begitu juga bagi individu bujang berumur 21 tahun ke atas dan berpendapatan tidak melebihi RM2,000, bantuan telah ditingkatkan sebanyak RM50 kepada RM350.

Peningkatan pengeluaran dan penawaran barangan dan perkhidmatan

1. Menambah pengeluaran makanan tempatan serta menambah baik kecekapan pengedaran, seperti aktiviti jualan secara langsung produk pertanian kepada pengguna melalui pasar tani dan agrobazaar oleh pihak FAMA, untuk memastikan harga barangan dan perkhidmatan yang kompetitif. Selain itu, program lelongan sayur-sayuran berkualiti dengan harga berpatutan akan diperkenalkan di 85 lokasi Pusat Operasi Urus niaga FAMA dan pasar tani terpilih di seluruh negara;
2. Meneruskan penyediaan barangan keperluan yang lebih murah melalui Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dengan menambah lagi 20 buah kedai di Semenanjung. Sehingga November 2014, sebanyak terdapat 125 kedai KR1M yang telah beroperasi;
3. Menambah 30 Klinik 1Malaysia yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 290 buah di seluruh negara;

4. Menguatkuasakan pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan (2011) dan Akta Persaingan (2010), untuk menghalang peniaga mengambil keuntungan yang berlebihan serta menggalakkan persaingan perniagaan yang sihat;

Meningkatkan penguatkuasaan

1. Mewujudkan kumpulan pemantau harga atau price watch team, dengan izin, dari kalangan persatuan pengguna;
2. Memperkukuhkan Unit Penguatkuasaan GST dengan 2,270 anggota, Unit Pemantau Harga seramai 1,300 anggota dan Skwad Pengguna seramai 202,800 sukarelawan.

Selain itu, langkah-langkah lain akan diteruskan, antaranya:

1. Meningkatkan kesedaran pengguna melalui penyeneraian harga makanan utama melalui portal 1Malaysia Pengguna Bijak untuk membolehkan pengguna membuat perbandingan harga dan pilihan tepat sebelum membuat pembelian;
2. Kedai harga berpatutan - Mengiktiraf kedai dan pasar raya yang menawarkan barangan dengan harga yang berpatutan; dan
3. Kemudahan perubatan - Menyediakan perkhidmatan perubatan di hospital dan klinik Kerajaan dengan caj minimum sebanyak RM1 bagi

setiap rawatan. Selain itu, rawatan asas dengan caj RM1 setiap rawatan juga disediakan di Klinik 1Malaysia.

Dengan pelaksanaan langkah-langkah di atas, keadaan inflasi akan terus berada di paras terkawal. Pada masa yang sama, Kerajaan akan memantau perkembangan GST agar kesan kenaikan inflasi tidak akan membebankan rakyat, khususnya golongan yang berpendapatan rendah dan yang mudah terjejas.